

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan penerima BR1M dari tahun pertama semenjak di implementasi mengikut pecahan tahun, jantina, umur, negeri dan kaum sehingga Februari 2018.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian BR1M diberi secara menyeluruh kepada mereka yang layak tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Setiap pemohon akan melalui proses verifikasi yang sama yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Sehubungan ini, Kementerian Kewangan tiada pecahan penerima BR1M mengikut kaum dan jantina. Di dalam borang juga tiada pengisian kaum dan jantina diperlukan.

Secara keseluruhannya, dari tahun 2012 sehingga 2017, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM25.62 billion kepada penerima BR1M. Pada tahun 2018, sehingga 28 Februari 2018, sebanyak 6.5 juta permohonan telah diluluskan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM5.5 billion menjadikan keseluruhan peruntukan BR1M 2012 hingga 2018 sebanyak RM31.12 billion. Jumlah ini dijangka meningkat apabila permohonan rayuan dibuka kelak.

Perbelanjaan Kerajaan bagi membiayai program ini mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun 2012 : RM2.09 bilion : 4.18 juta penerima

Tahun 2013 : RM2.90 bilion : 6.80 juta penerima

Tahun 2014 : RM3.64 bilion : 6.96 juta penerima

Tahun 2015 : RM5.35 bilion : 7.44 juta penerima

Tahun 2016 : RM5.36 bilion : 7.28 juta penerima

Tahun 2017 : RM6.31 bilion : 7.22 juta penerima

Tahun 2018 * : RM5.50 bilion : 6.5 juta penerima

*2018 : kelulusan sehingga 28 Februari 2018.

Statistik mengikut negeri dan tahun adalah seperti di Lampiran.